

MAJLIS SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-79



1. Pada 14 Julai 2025, Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-79, bertempat di surau bangunan Darussalam.
2. Lebih daripada 100 orang jemputan telah menghadiri majlis tersebut yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kedutaan, kakitangan *Locally Engaged Staff* (LES) Kedutaan Besar, penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di Mesir.
3. Majlis dimulakan dengan sembahyang fardhu Zuhur berjemaah yang disusuli dengan sembahyang sunat hajat. Seterusnya majlis diteruskan dengan bacaan surah yassin yang dikepalai oleh YM Ataci Pelajaran dan Kebudayaan
4. Doa sempena HK dibacakan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah. Sementara doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibaca oleh Presiden Badan Kebajikan Pelajar.
5. Majlis diakhiri dengan jamuan yang disediakan oleh Badan Kebajikan Penuntut Brunei di Republik Arab Mesir (BKPBDM).

